



SIARAN AKHBAR

PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DALAM BIDANG BELIA DAN SUKAN ANTARA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN KERAJAAN MALAYSIA

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Belia dan Sukan telah menandatangani Memorandum Persafahaman dalam bidang Belia dan Sukan pada 30 Rejab 1432 , bertempat di Hotel Empire dan Country Club, Jerudong.

Hadir bagi menandatangani Memorandum Persafahaman dalam bidang belia dan sukan bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dan bagi pihak Malaysia ialah Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan, Malaysia.

Memorandum Persafahaman tersebut bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama dua-hala khususnya dalam bidang Belia dan Sukan yang antarlain meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- Pertukaran program dalam bidang belia dan sukan;
- Pertukaran program untuk latihan bagi para pegawai dan jurulatih;
- Menggalakkan sukan di antara kedua buah negara yang merangkumi perkara-perkara berikut:
 1. Kemudahan sukan;
 2. Peralatan sukan;
 3. Persediaan fizikal dan latihan sukan;
 4. Pendidikan fizikal, kesihatan dan sukan;
 5. Kejurulatihan;
 6. Pengenalpastian pakar sukan;

[2]

7. Pentadbiran dan pengurusan sukan;
 8. Sistem maklumat yang berkaitan dengan belia dan sukan;
 9. Perkembangan sains dan teknologi sukan; dan
 10. Perkembangan dan penambahan maklumat sukan.
- Pertukaran maklumat berhubung hal ehwal belia; dan
 - Apa jua kegiatan kerjasama dalam bidang belia dan sukan yang dipersetujui bersama oleh kedua belah pihak.

Keperluan untuk mengadakan Memorandum Persafahaman bagi kerjasama di bidang Belia dan Sukan ini ditekankan dalam Mesyuarat Perundingan Tahunan Ketua Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia kali ke-14 pada bulan September 2010.

Bagi pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini, satu **Komiti Bersama** akan ditubuhkan yang akan bertanggungjawab, antarlain bagi perkara-perkara berikut:

- Menyampaikan sebarang cadangan yang boleh memudahkan pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini kepada pihak yang berkenaan di kedua buah negara;
- Mencadangkan kaedah kerjasama terbaru dalam bidang belia dan sukan; dan
- Menyediakan latar belakang program-program termasuk kewangan dan sebarang perbelanjaan bagi pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini.

Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan negara Malaysia pada bulan Januari 1984. Sejak penjalinan hubungan tersebut beberapa kerjasama telah dimetrai dalam pelbagai bidang seperti ketentaraan, ekonomi, kesihatan, pendidikan, pelancungan dan kebudayaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan, Malaysia dan rombongan berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan kerja yang bermula dari 30 Jun hingga 2 Julai 2011.

DIKELUARKAN OLEH:
UNIT PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Rujukan: KKBS/PR/6.2/4 Pt:5
Tarikh: 30 Rejab 1432 / 02 Julai 2011

